

# Pastikan diguna untuk alam sekitar

**KUALA LUMPUR 24 Jan.** - Pengurusan pasar raya dan peniaga di Selangor perlu diberi tekanan oleh pihak berkuasa supaya memastikan wang hasil jualan beg plastik disalurkan untuk tujuan kempen alam sekitar dan bukan masuk ke kantung mereka.

Pensyarah Fakulti Pengajian Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia (UPM), **Dr. Mohd. Yusoff Ishak** berkata, pihak berkuasa dalam hal ini tidak boleh menyerahkan kepada peniaga kerana ini tidak akan membantu mencapai matlamat menyedarkan masyarakat mengenai bahaya beg plastik.

Katanya, lagi pun caj 20 sen yang dikenakan untuk satu beg plastik masih tidak berbaloi jika diukur daripada kesannya terhadap alam sekitar walaupun diakui tujuan kempen tersebut bermatlamatkan mengurangkan penggunaan beg plastik.

"Langkah alternatif seterusnya-



**MOHD. YUSOFF ISHAK**



**IBRAHIM KOMOO**

ya yang boleh dilakukan adalah dengan menggunakan beg mesra alam sekitar iaitu beg bioplastik yang mudah terurai berbanding beg plastik biasa.

"Selain itu, kita juga mungkin dapat meningkatkan pembungkusan menggunakan kertas serta membawa bekas makanan sendiri seperti mangkuk tingkat apabila mahu membeli makanan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Sementara itu, Ketua Kluster

Sumber Asli dan Alam Sekitar Majlis Profesor Negara (MPN), **Prof. Emeritus Datuk Dr. Ibrahim Komoo** berkata, penguatkuasaan caj 20 sen untuk penggunaan beg plastik di premis perniagaan adalah bertentangan dengan prinsip sebenar kempen tanpa beg plastik.

"Walaupun terdapat rasional di sebalik tindakan terbabit, tetapi langkah yang lebih baik adalah dengan menyediakan beg kertas ataupun menjual beg kitar semula yang lebih tahan lasak dan berharga beberapa ringgit lebih tinggi berbanding beg plastik.

"Apalah sangat 20 sen bagi mereka yang mampu membayarnya tapi jika pengguna ini tidak diberi pilihan dan terpaksa membeli beg yang boleh diguna semua pada harga yang lebih tinggi, mungkin mereka akan beringat untuk membawa beg sendiri apabila membeli barangan," ujarnya.